

UPM tingkat kesedaran risiko kanser

PENDERITAAN pesakit kanser mendapat perhatian warga Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi penganjuran Kempen Kesedaran Kanser Jelajah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) peringkat UPM, baru-baru ini.

Kempen dengan kerjasama Majlis Kanser Malaysia (Makna) dan Pusat Kesihatan universiti itu bertujuan meningkatkan pengetahuan orang ramai berkaitan kanser, selain meningkatkan sikap prihatin kalangan generasi muda terhadap golongan pesakit berkenaan.

Serentak penganjuran kempen itu, pensyarah dan pelajar UPM berpeluang beramal menerusi kempen *Payroll Giving* dengan menderma secara potongan gaji serendah RM1 sebulan dan Program *Sens Saves Lives* bertujuan menggalakkan sumbangan lebihan wang syiling iaitu 1 sen, 5 sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen.

Program itu sedikit sebanyak dapat meringankan beban kewangan pesakit kanser, sekali gus membuktikan komitmen universiti itu membantu Makna.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah ketika berucap merasmikan kempen itu, berkata pihaknya akan terus memberi sokongan terhadap semua program anjuran Makna pada masa depan.

"Hubungan dengan Makna terjalin sejak 2001 apabila beberapa pensyarah UPM terbabit secara aktif dalam menjalankan penyelidikan penyakit berkenaan.

"Antaranya Prof Dr Aini Idris yang kini menjadi exco Makna, manakala Prof Dr Azmi Lila pula berjaya menghasilkan penyelidikan berkaitan *In Vito and In-Vito Study of Breast Cancer Treated with Local Strain of Newcastle Disease Virus*," katanya.